



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PESTA DURIAN  
BUKIT MERTAJAM 2023

OLEH  
TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD  
FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
**YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**24 JUN 2023 (SABTU)**  
**5.00 PETANG**

**MYDIN MALL JALAN BARU**  
**BUKIT MERTAJAM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama menghadiri Majlis Perasmian Pesta Durian Bukit Mertajam 2023 pada petang yang barakah ini.
2. Saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan penuh takzim dan penuh kesyukuran ingin Menjunjung Kasih Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti Mohd Nor di atas kesudian menghadiri serta menyempurnakan Pesta Durian Bukit Mertajam 2023 pada petang ini. Saya rasa amat terharu atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama untuk hadir bersama-sama pada petang yang bersejarah ini.
3. Semoga dirgahayu hendaknya Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama dengan dirahmati

Tuhan dan dikurniakan kesihatan dan keselamatan yang berpanjangan, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memayungi Pulau Pinang yang tercinta ini. Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Yang Di-Pertua Negeri dan isteri terhadap rakyat jelata.

4. Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; kesemua Dif-Dif Kehormat, rakan-rakan media yang saya kasihi, para hadirin sekalian dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Pesta Durian Bukit Mertajam 2030 hari ini.
5. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia program, Jabatan Pembangunan Lestari MBSP yang bekerja keras bagi menjayakan majlis pada petang ini.

6. Pesta Durian Bukit Mertajam 2030 adalah program dua hari (24 & 25 Jun 2023) dan adalah merupakan penganjuran julung kali diadakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Lembaga Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang dan Jabatan Pertanian Pulau Pinang.
7. Usaha penganjuran pesta durian ini menggambarkan keprihatinan serta kesungguhan kita untuk membantu peniaga-peniaga dan pekebun-pekebun kecil untuk memasarkan dan mempromosikan buah durian dan produk hiliran berdasarkan durian. Pesta Durian ini akan memperkenalkan sejenis durian yang mana nama saintifiknya adalah *Durio zibethinus* dengan rujukan nombor pendaftaran D220. Varieti durian ini adalah dari Tokun Top, Mukim 17, Seberang Perai Tengah.
8. Durian juga dapat mewujudkan pelbagai makanan sampingan yang lain seperti pulut durian, cucur durian, dodol durian, kuih wajik durian, lempok, ais krim durian dan jus durian. Produk hiliran berdasarkan durian ini akan terus berkembang selaras dengan industri lain yang telah sedia wujud di Malaysia. Sehubungan itu, di antara aktiviti-aktiviti yang diadakan dalam Pesta Durian adalah memperkenalkan pelbagai produk hiliran berdasarkan durian, di antaranya adalah:-

- i. Demo memasak kuih muih dodol berdasarkan durian.
  - ii. Jualan barang dari FAMA berdasarkan durian.
  - iii. Gerai-gerai menjual durian dan buah-buahan tempatan.
9. Selain itu, MBSP juga mengadakan pertandingan mewarna peringkat kanak-kanak pada hari kedua Pesta Durian Bukit Mertajam 2023
10. Majlis Bandaraya Seberang Perai disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama (FAMA) dan Jabatan Pertanian mengharapkan komuniti setempat di Seberang Perai, pengunjung dari Pulau Pinang dan negeri-negeri lain hadir untuk menjayakan penganjuran Pesta Durian Bukit Mertajam 2023.
11. Saya berharap agar para pengunjung tidak melepaskan peluang untuk menikmati sendiri kelazatan pelbagai jenis durian dan juga produk-produk berdasarkan durian di Pesta Durian dua-hari ini.
12. Saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon

Yeow, kesemua Dif-Dif Kehormat serta semua yang hadir pada hari ini ke Pesta Durian Bukit Mertajam 2023.

13. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada warga Seberang Perai yang dikasihi yang sentiasa menyokong dengan memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, "**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**" atau "**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**" dapat direalisasikan.
14. AKhir kata, saya memohon maaf khususnya kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, jika ada ketelanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini; dan menjunjung kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama, yang sudi hadir pada petang ini dan seterusnya merasmikan Pesta Durian Bukit Mertajam 2030. Saya dan semua warga Pulau Pinang berdoa agar Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama sentiasa berada dalam limpahan rahmat Allah jua.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***